

By : **DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

Venue : **ISTANA NEGARA**

Date : **04/06/2011**

Title : **ISTIADAT MENGADAP DAN ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH-
DARJAH KEBESARAN, BINTANG-BINTANG DAN PINGAT-PINGAT
MALAYSIA SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN SPB YDP
AGONG**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Mengadap Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong,
**Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-
Muktafi Billah Shah,**

Mengadap Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong,
Tuanku Nur Zahirah,

Ampun Tuanku Beribu Ampun, Sembah Patik Mohon Diampun.

1. Dalam suasana pagi yang berbahagia ini, bersama penuh takzimnya, patik bagi pihak kerajaan, para pentadbir, penjawat-penjawat awam serta seluruh rakyat mengangkat setinggi-tinggi sembah tahniah kepada Tuanku sempena Hari Ulangtahun Keputeraan rasmi Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Patik sekalian melafazkan doa yang setulusnya semoga Tuanku berserta Tuanku Raja Permaisuri Agong terus berada dalam perlindungan keafiatan, kekal bersemayam di takhta Kerajaan dengan segala kebesaran dan kedaulatannya.
2. Sememangnya, institusi Raja Beperlembagaan dan demokrasi berparlimen yang menjadi amalan di Malaysia menyaksikan peranan murni lagi mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sebagai lambang keutuhan, payung Negara serta pepohonan rendang tempat rakyat berteduh dan bernaung.
3. Sesungguhnya, Kerajaan dan rakyat berasa amat bersyukur justeru sepanjang pemerintahan Tuanku, Negara kita yang tercinta ini terus berada dalam peliharaan Allah SWT, aman lagi sejahtera.

MEMERANGI POLARISASI

Ampun Tuanku,

4. Satu usaha utama Kerajaan Tuanku adalah untuk terus memacu kemajuan, mengelakkan berlakunya pertembungan budaya, meningkatkan persefahaman, selanjutnya meraikan perbezaan yang wujud di kalangan kita dengan berkongsi apa yang dimiliki. Hakikatnya, perpaduan nasional adalah pra-syarat yang tiada galang ganti sementelahan survival nasional berpasak kepada perpaduan.

5. Hendaklah barang diingat, perkongsian hidup pelbagai ras di negara kita tidaklah terbentuk secara semulajadi. Bagi Malaysia, kita telah ditakdirkan oleh Allah SWT untuk wujud sebagai sebuah negara majmuk dibentuk oleh rencamnya persekitaran, peristiwa dan episod-episod sejarah. Ia telah berlangsung waima sebelum tibanya Islam dan semakin subur selepas kedatangannya. Seperti tercatat dalam lembaran tawarikh, Melaka sememangnya sudah tersohor sebagai laluan perdagangan antarabangsa semenjak terdirinya empayar Langkasuka lagi.
6. Islam telah membawa ke Kepulauan Melayu bersamanya kefahaman tauhid, pemikiran saintifik dan bahasa bertulis melalui pedagang-pedagang Arab. Mereka bermusafir dan belayar sebagai memenuhi seruan junjungan besar kita, Nabi Muhammad SAW bagi menyebarkan dakwah dan berdagang.
7. Manakala di sudut lain, kita dapat melihat bagaimana negara-negara bersifat homogenous atau seragam, yang begitu gah dengan ras dan budaya mereka tersendiri, ternyata, amat sukar untuk menerima realiti kepelbagaian. Ini benar, lantaran *primordial instinct* atau naluri asal wujud manusiawi akan hanya cenderung kepada persekitaran serta kelompok 'alami mereka.

Ampun Tuanku,

8. Bagi kita, kemajmukan Malaysia adalah satu realiti. Soalnya hanyalah, sama ada kita memilih untuk menjadikannya satu pemangkin ke arah kemakmuran dan masa depan yang lebih baik untuk diri dan anak cucu kita, atau, satu sumber polarisasi yang tidak berkesudahan, semuanya bergantung kepada keputusan yang kita perbuat dan sikap yang kita ambil.
9. Sesungguhnya, kemajmukan Malaysia adalah unik dan kompleks. Oleh kerana itu, kita melaksanakan sistem pendidikan rendah yang amat liberal. Bahasa ibunda selain bahasa kebangsaan turut menjadi bahasa pengantar sistem pendidikan nasional.
10. Dalam situasi ini, anak-anak hanya berpeluang berinteraksi semasa peringkat persekolahan menengah, itupun jika mereka memilih untuk tidak mengikuti aliran bahasa ibunda diperingkat tersebut. Selain itu, faktor kawasan kediaman, kegiatan dan taraf sosio-ekonomi yang rata-ratanya berbeza menokok lagi cabaran terhadap usaha memupuk perpaduan.

Ampun Tuanku,

11. Dari apa yang patik telah nyatakan, walau apapun sejarahnya, walau apapun latar ceritanya, hatta, walau apapun pegangan dan identiti masing-masing, faktor penggabung kita adalah kewarganegaraan yang satu, serta kesetiaan yang wahid berteras ideologi kebangsaan seperti terkandung dalam panca prinsip Rukun Negara. Semuanya berasaskan undang-undang tertinggi negara yang diterima juga dihayati setiap rakyat sebagai harga sebuah kewarganegaraan.
12. Alhamdulillah, kepimpinan negara sejak dahulu telah menyusur jalan paling sesuai dengan faktor-faktor yang sedia wujud. Kita telah mengambil kaedah integrasi dimana kepelbagaian diraikan sebagai sumber kekuatan negara dalam mencipta kemakmuran.
13. Pastinya, kita boleh terus menjadi kekecualian kepada kelaziman, melampaui jangkaan dan menjadi pelita kepada masyarakat antarabangsa sebagai sebuah negara yang memilih kaedah integrasi berbanding asimilasi dalam memupuk perpaduan nasional sehingga berjaya, atau,

menjadi mangsa kepada kebijakan lazim bahawa sebuah masyarakat yang berbilang kaum tidak akan mampu menjadi sebuah negara yang aman dan makmur.

14. Pada perspektif lain, jika ditinjau susur galur bagaimana kuasa-kuasa besar ekonomi dunia memupuk perpaduan di kalangan rakyatnya selaku pra-syarat bagi mencapai status ekonomi dan taraf hidup yang mereka nikmati hari ini, maka, kita akan dapati bahawa negara-negara seperti Amerika Syarikat memilih kaedah kawah pelakuran atau asimilasi sebagai asas perpaduan. Manakala negara-negara seperti United Kingdom, Perancis, Jerman, Itali, China, Jepun dan Korea Selatan pula bersifat seragam etniknya.
15. Di atas segalanya, dalam pembikinan sebarang dasar, Kerajaan Tuanku sentiasa memperkirakan faktor perbezaan yang wujud sebagai satu perhitungan penting. Sebetulnya, dengan sekadar menutup sebelah mata sambil mengharapkan perpaduan terus mekar subur tanpa peranan proaktif oleh pihak kerajaan beserta pemimpin masyarakat daripada semua kaum, akan hanya menjanjikan sebuah tragedi.
16. Pucuk pangkalnya, janganlah ada yang cuba menangguk di air keruh. Sudah begitu bersusah payah kita membina dan memelihara hubungan ampuh ini selama puluhan tahun. Lantaran yang demikian, kita tidak akan berkompromi sebaliknya menolak sebarang usaha kelompok-kelompok tertentu yang bertindak semata-mata atas perhitungan berpihak untuk kepentingan kumpulan mereka sahaja sehingga tidak sedar akan natijah buruknya kepada kumpulan yang ramai yakni rakyat Malaysia dan kesejahteraan negara di peringkat nasional.

Ampun Tuanku,

17. Di noktah ini, dengan tegasnya Kerajaan Tuanku ingin mengingatkan kepada semua pihak yang tanpa rasa bertanggungjawab berwenang-wenang memarakkan api perkauman dan menyala sumbu keagamaan sama ada secara terang atau secara halus, bahawa, mereka sebenarnya bercanda dengan permainan yang amat berbahaya. Dalam kata lain, mereka sedang memperjudikan untung nasib masa depan anak cucu kita. Cendekiawan telah bermadah, di akhirnya nanti, yang kalah jadi abu dan yang menang jadi arang.
18. Jelasnya, jika itu jalan didambakan, maka Malaysia yang akan diwariskan kepada generasi mendatang adalah Malaysia yang gagal dan berpecah belah. Tidakkah seharusnya kita belajar daripada apa yang berlaku di tempat-tempat lain seperti di kawasan Balkan, benua Eropah dan janganlah pula tidak beriktibar dengan satu tragedi hitam yang telah mencemari lipatan sejarah negara tercinta ini.
19. Lalu, mana mungkin sebagai pemimpin kita mengambil jalan mudah dengan menyalahkan semua pihak tanpa jujur berintrospeksi melihat peranan masing-masing secara jujur. Suka atau tidak suka, sebelum yang tersambung bergenting putus, sebelum yang terkemas pecah berserak, Kerajaan Tuanku pasti terus berwaspada dan tanpa berlengah mengambil langkah-langkah pembedahan yang wajar. Apa yang pasti, usaha murni sedemikian menuntut keberanian moral dan politik daripada semua pihak atas nama Malaysia.

MELETAKKAN KEWANGAN NEGARA DI LANDASAN MAPAN

Ampun Tuanku,

20. Sayugia, dalam mengurus negara, kebajikan dan kesejahteraan rakyat adalah matlamat tertinggi dan sebab musabab paling utama wujudnya sebuah kerajaan. Menjunjung

kepentingan ramai dan negara, sebuah kerajaan bertanggungjawab akan mencipta penyelesaian dan membuat pilihan mengutamakan masalah rakyat bukan sahaja untuk jangka masa pendek dan pertengahan tetapi juga untuk jangka masa panjang.

21. Perihal mengurus ekonomi negara pula, kita mengukur baju di badan sendiri. Suatu keputusan yang tampak popular tidak semestinya menjadi satu tindakan terbaik untuk tempoh yang lebih jauh. Keputusan memotong dan menaikkan pendapatan layak dicukai, memberi subsidi secara pukol rata tanpa mengira keperluan kumpulan sasar contohnya, barangkali mendapat sambutan hangat bagi masa-masa yang tertentu, akan tetapi ia bakal mengundang masalah. Hakikatnya, apabila hanya, kurang dua juta daripada dua belas juta pekerja membayar cukai, dua juta pembayar itu mensubsidikan majoriti yang tidak membayar cukai. Ini akan lebih memberikan cabaran terutamanya apabila perkhidmatan kesihatan dan pendidikan adalah relatifnya percuma.
22. Walhal, kita bukanlah sebuah negara kuasa besar dunia yang mampu mencetak wang tanpa berasaskan kepada apa-apa sandaran atau *fiat money*. Kebergantungan kepada sumber asli seperti petroleum dan gas asli tidak akan kekal untuk selama-lamanya. Bersyukurlah bahawa kita mempunyai syarikat petroleum nasional yang diuruskan dengan baik dan kita berjaya memaksimumkan manfaat yang diperoleh. Akan tetapi, sumber ini semakin berkurangan. Ternyata, lebih banyak perbelanjaan modal terpaksa dikeluarkan untuk mencari sumber yang baru.
23. Jadinya, kita harus insaf kepada apa yang mungkin melanda negara jika ekonomi tidak diurus dengan baik. Misalannya, negara-negara dalam klasifikasi maju pun sepertimana Greece, dengan defisit 10 peratus dan kadar hutang berbanding KDNK 137 peratus serta kadar pengangguran 14 peratus, apabila gagal diurus dengan berhemah, baru-baru ini, memerlukan 110 billion Euro atau 477 bilion ringgit Malaysia bersamaan hampir dua tahun setengah bajet terkumpul Malaysia untuk *bailout* atau dijamin keluar. Begitu juga negara Ireland pada tahun lepas dengan defisit 32 peratus dan kadar hutang berbanding KDNK 113 peratus serta kadar pengangguran 15 peratus, memerlukan 85 bilion Euro atau 369 bilion ringgit Malaysia atau setahun setengah bajet terkumpul Malaysia untuk dijamin keluar. Khabarnya, kedua-dua negara Greece dan Ireland mungkin memerlukan jaminan keluar kali yang kedua.
24. Pokoknya, rasionalisasi subsidi adalah langkah elakkan awal kerajaan untuk memastikan taraf hidup rakyat akan bertambah baik dan kita sebagai sebuah negara akan terus hidup makmur bermaruah. Ia bukanlah langkah menghapuskan subsidi tetapi memastikan subsidi diberikan kepada kumpulan sasar dan sektor yang benar-benar layak lagi memerlukan dengan jumlah yang berpatutan. Molek juga dimaklumkan bahawa subsidi di Malaysia adalah antara terbesar di dunia meliputi keperluan seharian rakyat seperti gula dan beras. Ini tidak termasuk subsidi tidak langsung meliputi perkhidmatan kesihatan dan pelajaran.

Ampuan Tuanku,

25. Wadiah sekali diperlihatkan di sini, dalam apa jua rupa tindak tanduk atau pendekatan yang diambil, Kerajaan Tuanku akan senantiasanya bertanggungjawab, tidak cemerlap, tidak terburu-buru apatah lagi mengejar populariti membawa rebah. Dengan berhemah, tiap satu keputusan dikaji, ditimbang dan diperinci untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat jua.

Ampun Tuanku,

26. Kesimpulan kalam, bersempena ucapan taat setia di Hari Keputeraan rasmi Tuanku sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Tuanku Nur Zahirah selaku Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong kali yang akhir ini, patik bagi pihak sekalian rakyat yang ada, merafak setinggi-tinggi ucapan junjungan kasih di atas tempoh pemerintahan yang sangat bermakna lagi diberkati ini.
27. Sekianlah sahaja persembahan ucapan patik. Dihadratkan segala doa kepada Yang Maha Kuasa agar Tuanku berdua sentiasa diperlindungi dan dirahmati. Manusia merancang, Allah jua merancang, dan Dia-lah sebaik-baik Perancang.
28. Mudah-mudahan, segala rencana dan usaha oleh Kerajaan Tuanku yang mendahulukan rakyat ini, dengan niat ikhlas demi kelangsungan sebuah negara Malaysia yang permai lagi harmoni sekaligus mengimarahkan ekonomi negara mendapat pertolongan daripada Allah SWT hendaknya.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.